

**Subjek: Kemas Kini Dana Takafulink – Takafulink Dana Urus**

Pelanggan yang Dihargai,

Terima kasih kerana memilih Prudential BSN Takaful Berhad (PruBSN). Kami berdedikasi untuk membantu anda mencapai ketenangan minda dengan memberikan perlindungan kewangan dan mengembangkan aset anda.

Sebagai sebahagian daripada komitmen PruBSN terhadap pengurusan dana yang lestari dan menawarkan potensi prestasi dana yang lebih baik, sukacita dimaklumkan berikut adalah kemas kini bagi Dana Takafulink kami – Takafulink Dana Urus, menjelang akhir Mei 2025.

Ringkasan kemas kini:

<b>Dana</b>	Takafulink Dana Urus
<b>Apakah perubahannya?</b>	Perubahan objektif pelaburan, strategi dan pengurus dana.
<b>Tindakan yang diperlukan</b>	Walaupun tiada tindakan diperlukan, terdapat pilihan untuk menukar dan/atau menyalurkan sumbangan berulang kepada dana lain.
<b>Apakah yang akan berlaku jika tiada tindakan diambil?</b>	Tiada perubahan kepada unit pelaburan sedia ada dalam dana dan arahan penyaluran sumbangan.

Untuk maklumat lanjut mengenai pengemaskinian ini, sila rujuk kepada Soalan Lazim dan butiran dana yang tersedia di Laman Web Korporat kami: <https://www.prubsn.com.my/ms/takafulink-funds-performance-information/>.

Kami memberi jaminan bahawa perubahan ini tidak akan melibatkan sebarang bayaran tambahan dan perlindungan Takaful anda akan kekal tidak berubah.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi ejen yang berkhidmat/wakil bank anda. Anda juga boleh menghubungi kami melalui e-mel di [customer@prubsn.com.my](mailto:customer@prubsn.com.my) atau menghubungi Wakil Perkhidmatan Pelanggan kami di +603 2775 7188.

Terima kasih atas kepercayaan dan sokongan berterusan anda.

**PRUDENTIAL BSN TAKAFUL BERHAD**

[Nota: Ini adalah dokumen yang dijana oleh komputer dan tidak memerlukan tandatangan. Maklumat adalah setakat 11 Januari 2025.]

**Sila abaikan surat ini jika sijil anda tidak lagi berkuat kuasa pada masa anda menerima surat ini.**

## Soalan Lazim

### Kemas Kini Dana Takafulink – Takafulink Dana Urus (TDU)

#### 1. Mengapakah PruBSN mengemaskini dana sasaran untuk TDU?

TDU kini melabur dalam ekuiti patuh Syariah dan sukuk patuh Syariah. Bagi memberikan nilai yang berterusan kepada pelaburan anda dan menggalakkan pengurusan dana yang lestari, kami akan mengemas kini dan meningkatkan objektif dan strategi pelaburan TDU pada masa ini, yang melibatkan pelaburan melalui Takafulink Dana Ekuiti untuk pendedahan ekuiti dan Takafulink Dana Sukuk untuk pendedahan sukuk.

#### 2. Apakah perubahan dalam objektif pelaburan untuk TDU?

Objektif pelaburan untuk TDU akan dikemas kini daripada pelaburan ke dalam dana-dana Takafulink kepada pelaburan ke dalam dana-dana Takafulink dan Skim-skim Pelaburan Kolektif.

#### 3. Apakah perubahan dalam strategi pelaburan untuk TDU?

Pada masa ini, peruntukan TDU disalurkan kepada dua dana iaitu Takafulink Dana Ekuiti dan Takafulink Dana Sukuk ('Dana Sasaran'). Dana Sasaran akan diperluaskan untuk merangkumi dua skim pelaburan kolektif baharu iaitu, *United-i Malaysia Discovery Fund* and *United-i Malaysia Equity Fund*.

#### 4. Bagaimanakah perubahan dalam objektif dan strategi pelaburan untuk TDU ini memberi impak kepada pelaburan sedia ada saya?

Tiada impak kepada pelaburan sedia ada anda. Kemas kini ini berpotensi untuk menghasilkan prestasi dana yang lebih baik melalui pemilihan saham dan peruntukan aset pelaburan yang fleksibel dalam jangka masa panjang. Untuk maklumat lanjut, anda boleh merujuk kepada butiran dana yang tersedia dalam laman web kami di <https://www.prubsn.com.my/ms/takafulink-funds-performance-information/>.

#### 5. Bolehkah anda jelaskan dengan lebih lanjut mengenai Dana Sasaran Baharu - *United-i Malaysia Discovery Fund (UMDF)* dan *United-i Malaysia Equity Fund (UMEF)*?

UMDF melabur minimum 70% daripada Nilai Aset Bersih (NAV) dalam ekuiti patuh Syariah dan sekuriti berkaitan patuh Syariah dengan permodalan pasaran sehingga RM5 bilion pada titik pembelian untuk mencapai peningkatan modal jangka panjang. Untuk maklumat lanjut tentang UMDF, anda boleh merujuk kepada <https://www.uobam.com.my/our-funds/allfunds.page>.

UMEF melabur minimum 50% daripada NAV dalam ekuiti Malaysia patuh Syariah dan sehingga 30% daripada NAV dalam ekuiti global untuk mencapai peningkatan modal jangka panjang. Untuk maklumat lanjut tentang UMEF, anda boleh merujuk kepada <https://www.uobam.com.my/our-funds/allfunds.page>.

#### 6. Apakah perubahan dalam pengurus dana untuk TDU?

Pengurus dana TDU akan di kemas kini daripada Eastspring Al-Wara' Investments Berhad kepada Prudential BSN Takaful Berhad untuk pentadbiran operasi TDU. Dana Sasaran akan terus diuruskan oleh pengurus pelaburan profesional.

**7. Apakah perubahan pada tarikh penilaian dana untuk TDU?**

Penilaian dan penerbitan untuk TDU akan dibuat selepas 2 hari perniagaan (T+2) berbanding 1 hari perniagaan (T+1).

**8. Bilakah kemas kini TDU akan berkuat kuasa?**

Kemas kini TDU akan berkuat kuasa menjelang akhir Mei 2025.

**9. Apakah yang akan berlaku kepada pelaburan saya dalam TDU selepas perubahan?**

Pelaburan asas sedia ada dalam TDU akan diperuntukkan semula berdasarkan dana terkini, termasuk Takafulink Dana Ekuiti, Takafulink Dana Sukuk, United-*i* Discovery Malaysia Fund dan United-*i* Equity Malaysia.

**10. Apakah yang boleh saya lakukan jika saya memilih untuk melabur dalam dana lain selain daripada TDU?**

Anda mempunyai pilihan untuk menukar unit pelaburan sedia ada anda dan mengubah hala sumbangan anda kepada dana lain yang ditawarkan oleh sijil anda mengikut tahap toleransi risiko dan keutamaan pelaburan anda. Untuk berbuat demikian, sila lengkapkan boring "Permohonan untuk Penambahan, Pengeluaran, Pertukaran atau Penghalaan Semula Sumbangan" yang boleh diperolehi daripada <https://www.prubsn.com.my/ms/forms-documents/> dan hantarkan borang yang lengkap melalui e-mel di [customer@prubsn.com.my](mailto:customer@prubsn.com.my) atau ke cawangan terdekat.

**11. Bilakah saya boleh mengubah hala sumbangan berulang saya?**

Anda boleh mengubah hala sumbangan berulang anda pada bila-bila masa. Ubah hala sumbangan berulang kepada dana pilihan anda akan berkuat kuasa pada tarikh akhir sumbangan anda yang seterusnya.

**12. Adakah terdapat sebarang bayaran tambahan kepada saya?**

Tidak, tiada bayaran tambahan akan dikenakan kepada anda. Perlindungan Takaful dan caj pengurusan dana anda akan kekal tidak berubah.

**13. Apakah yang perlu saya lakukan jika saya memerlukan bantuan segera atau mempunyai soalan tambahan?**

Sila hubungi ejen yang berkhidmat/wakil bank anda. Anda juga boleh menghubungi kami melalui e-mel di [customer@prubsn.com.my](mailto:customer@prubsn.com.my) atau menghubungi Wakil Perkhidmatan Pelanggan kami di +603 2775 7188.